

Headline	Reformasi dasar kekang HIV AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	11	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 9,378
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,134



Reformasi dasar kekang HIV/AIDS

» Pendekatan sedia ada kurang berkesan banteras dadah

Syed Azwan Syed Ali

■ Kuala Lumpur

alaysia dalam proses melakukan reformasi dasar dan undang-undang berkaitan penggunaan dadah untuk membanteras gejala itu dengan lebih berkesan selain mengekang penularan HIV/AIDS dalam kalangan penagih.

Ia termasuk meminda beberapa akta berkaitan termasuklah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, memperkenalkan program terapi gantian Methadone dan program pertukaran jarum suntikan sejak 2006.

Perlu reformasi

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, berkata reformasi itu perlu kerana pendekatan sedia ada, gagal mencapai matlamat membanteras dadah dengan berkesan.

Katanya, pendekatan sedia ada juga menyebabkan lebih ramai penagih dadah positif HIV

kerana takut tampil untuk mendapatkan rawatan.

“Mungkin, tiba masanya kita melihat penagih dadah sebagai pesakit dan bukannya penjenayah,” katanya pada Panel Peringkat Tinggi Mengenai Polisi Dadah dan Kesihatan Awam anjuran Suruhanjaya Global Mengenai Polisi Dadah dan Pertubuhan AIDS Antarabangsa (IAS) di Hotel Impiana KLCC di sini semalam.

Program diskusi tujuh anggota panel yang juga pembuka tirai Persidangan IAS Mengenai Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV 2013 bermula semalam itu, dikendalikan peneraju Astro Awani, Kamarul Bahrin Haron.

Nancy berkata, kerajaan sedang menjalankan proses reformasi itu, antara lain, diterjemahkan dengan program terapi gantian dadah dan pertukaran jarum serta memperbanyakkan pusat rehabilitasi.

Beri akses rawatan

Malah, katanya, pihak polis juga

sudah mengubah pendekatan mereka menerusi peruntukan undang-undang sedia ada untuk memberi akses rawatan kepada penagih dadah untuk mengelakkan penularan HIV/AIDS.

Bagaimanapun, beliau mengakui, ada beberapa kelemahan dan isu yang perlu ditangani antaranya isu 14 hari tahanan reman individu yang ditahan mengikut Akta Penagih Dadah yang dalam proses pindaan.

“Law Reform Committee (Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang) akan membincangkan hal ini Julai depan,” katanya.

“

Tiba masanya kita melihat penagih dadah sebagai pesakit dan bukannya penjenayah”

Nancy Shukri,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Headline	Reformasi dasar kekang HIV AIDS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	11	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 9,378
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,134



Nancy berkata sesuatu kepada Prof Michel Kazatchkine pada forum IAS di KLCC, semalam. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]